

PETIKAN TITAH

"MANUSIA jahiliah ialah manusia yang bergelumang dengan segala macam dosa dan kejahatan: Manusia penjenayah, manusia peminum, manusia pelanggan undang-undang dan seumpamanya yang



MANISNYA IMAN

"DAN siapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah Neraka Jahannam kekal ia di dalamnya dan Allah murka kepadanya dan melaknat serta menyediakan baginya seksa azab yang

R abu

24 Ogos 2005
19 Rejab 1426
Tahun 50 Bilangan 34

[Berita Utama](#)[Berita Ringkas](#)[Haluan](#)[Dari Sidang Pengarang](#)[Sorotan](#)[Melirik Masa Silam](#)[Aneka Rencana](#)[Fokus](#)[Suara Dari Mimbar](#)[Menuju Keredaan Allah](#)[Teropong Pelita](#)[Surat Pembaca](#)[Bicara IT](#)[Minda Pembaca](#)[Remaja](#)[Bela](#)[Arena Sukan](#)[Iklan-iklan Jawatan](#)[Kosong](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Arkib](#)

TAHUKAH AWDA?

SERAMAI 53 graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan menerima ijazah sarjana dalam Konvokesyen Ke-17 UBD pada 6 September 2005. Daripada jumlah itu lima orang akan menerima ijazah Master of Public Policy, seorang menerima Master of Arts in History by Research - English Medium, 19 orang menerima Master of Science in Petroleum Geoscience, lapan orang menerima Master of Business Administration, enam orang menerima Master of Education in Educational Management - English Medium, empat orang menerima Master of Education in Language Education - English Medium, tiga orang menerima Master of Education in Mathematics Education - English Medium, enam orang menerima Master of Education in Special Education - English Medium dan seorang menerima Master of Education - English Medium.

- Sumber:
www.ubd.edu.bn/news/events/c

Pelita Brunei Online
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Alamat e-mail:
[Pelita Brunei](mailto: Pelita Brunei)

HALUAN

SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di Mesyuarat Khas Setiausaha-setiausaha Tetap sempena lawatan kerja ke jabatan Perdana Menteri pada 4 Rejab 1426/9 Ogos 2005.

*Ke arah merealisasikan wawasan negara:***AMALKAN BUDAYA MUZAKARAH**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim*

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita mengadakan perjumpaan pada petang ini.

Tujuan utama perjumpaan ini diadakan adalah untuk bermuzakarah dengan Setiausaha-setiausaha Tetap, di samping itu untuk berbincang serba sedikit mengenai peranan, tugas dan tanggungjawab Setiausaha-setiausaha Tetap di dalam mengendalikan sistem pentadbiran kerajaan.

Sejak kita mencapai kemerdekaan penuh, sudah tentunya ekspektasi di kalangan rakyat terhadap kerajaan paduka ayahanda juga meningkat khasnya dalam pentadbiran hal-ehwal negara dan penjagaan keselamatan serta kesejahteraan mereka. Pertambahan bilangan penduduk, kemajuan bidang pendidikan dan kesan-kesan globalisasi adalah antara aspek-aspek yang dihubungkan dengannya.

Inilah sebahagian cabaran-cabaran yang telah dan akan seterusnya dihadapi oleh kerajaan paduka ayahanda yang bukan saja menghendaki pembaikan budaya kerja yang lebih beretika dan berdaya saing, bahkan juga merangkumi pewujudan sistem pentadbiran kerajaan yang responsif serta adaptif terhadap perkembangan dan cabaran semasa dan mendatang.

Kita telah pun mempunyai wawasan negara yang memberikan hala tuju yang jelas bagi survival bangsa dan negara. Ke arah merealisasikan wawasan negara itu, sistem pentadbiran kerajaan telah juga diperkukuhkan dengan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 yang antara lainnya telah menekankan nilai-nilai pembaharuan kepada Perkhidmatan Awam selaku pemikir, pemudah cara, pengembang maju dan pembawa pembaharuan.

Dalam konteks inilah, Setiausaha-setiausaha Tetap selaku pegawai kerajaan yang paling atasan sekali di dalam Perkhidmatan Awam hendaklah sentiasa mengamalkan budaya bermuzakarah di semua peringkat, di samping keterbukaan dan berpandangan ke hadapan.

Pembudayaan holistik ciri-ciri keperibadian yang digariskan dalam Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam perlulah dijadikan amalan oleh Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai kanan kerajaan khasnya serta seluruh warganegara amnya bagi membudayakan nilai-nilai kepimpinan dalam mengharungi apa jua cabaran-cabaran yang bakal ditempuh.

Saya menganggap isu pembaikan budaya kerja itu sebagai satu cabaran yang mesti diatasi, sebelum kita dapat berjaya dengan sepenuhnya di dalam melaksanakan apa jua rancangan untuk meningkatkan keberkesanan jentera kerajaan.

Seperti mana jua yang pernah ditegaskan oleh paduka ayahanda di dalam beberapa titah baginda semasa perjumpaan baginda bersama dengan Setiausaha-setiausaha Tetap pada tahun 1986, 1988 dan 1990, tanggungjawab mewujudkan kecekapan, keberkesanan dan kejujuran dalam sistem pentadbiran kerajaan yang bersih lagi amanah, nyata terletak di atas bahu Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua pejabat dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Baginda telah juga menekankan betapa mustahaknya, peranan Setiausaha-setiausaha Tetap di dalam menumpukan perhatian terhadap perkara-perkara yang melibatkan dasar dan perancangan jangka masa panjang.

Ini adalah memandangkan tanggungjawab Setiausaha-setiausaha Tetap di dalam memberikan input dan pandangan kepada Menteri-menteri dan Timbalan Menteri mengenai dengan kesan-kesan sebarang perubahan dasar ataupun tindakan pentadbiran kerajaan.

Persefahaman di antara Setiausaha-setiausaha Tetap dengan rakan-rakan sejawat mereka serta ketua-ketua pejabat dan pegawai-pegawai kanan juga amat perlu bagi menjalin rangkaian profesionalisme yang baik dan mewujudkan suasana kerjasama yang kondusif ke arah meningkatkan tahap produktiviti agensi masing-masing.

Ke arah ini, pemeduliaan ke atas keperluan dan masalah pegawai-pegawai dan kakitangan serta sikap terbuka dan sedia mendengar pandangan yang dihadapkan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan haruslah diamalkan oleh Setiausaha-setiausaha Tetap dan ketua-ketua pejabat.

Keyakinan orang ramai terhadap kualiti perkhidmatan dan layanan daripada jabatan-jabatan kerajaan juga berasaskan kepada sikap dan tahap pemeduliaan kakitangan kerajaan terhadap mereka.

Perlaksanaan program Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR) di jabatan-jabatan kerajaan harus diperhatikan, dipantau dan diperbaiki sepanjang masa untuk memastikan keberkesannya dan menilai sejauh manakah komitmen agensi-agensi kerajaan terhadap program ini.

Daripada segi penubuhan e-Government, sistem PMONet merupakan 'flagship project' kerajaan untuk membudayakan penggunaan ICT menyeluruh dalam kerajaan bagi melicinkan sistem pentadbiran kerajaan dan juga memudahkan hubungan dengan orang ramai.

Walau bagaimanapun, di samping kita menggunakan teknologi ICT yang terkini, kita mesti juga sentiasa peka terhadap keperluan tenaga manusia bagi semua kakitangan kerajaan yang diharapkan menggunakan teknologi tersebut.

Kelebihan-kelebihan sistem-sistem ICT tidak akan menjadi kenyataan tanpa digunakan sepenuhnya dan tanpa adanya pengguna-pengguna yang mempunyai kemahiran menggunakannya.

Ke arah itu, saya ingin menyarankan supaya kemahiran penggunaan ICT dijadikan sebagai salah satu amalan budaya kerja di kalangan pegawai-pegawai atasan. Sehubungan dengan itu, laman web intranet dan extranet setiap agensi dalam Jabatan Perdana Menteri hendaklah sentiasa diperkemaskinikan bagi kemudahan perhubungan dan perkongsian maklumat yang lebih telus dan terkini.

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

